

## 1. DEFINISI DAN TAFSIRAN

1.1 Melainkan dinyatakan sebaliknya, perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan berikut mempunyai erti yang terkandung:-

“Akaun”	bererti akaun Semasa yang dibuka dan dipegang oleh syarikat dengan Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada Akaun Tentuan sepertimana yang berkenaan dan yang boleh didebitkan menerusi penggunaan Kad.
“Ahli Kad”	bererti seseorang yang diberikan Kad sebagai pengguna sah dan “ <b>Ahli-ahli Kad</b> ” akan ditafsir sedemikian.
“Akaun Tentuan”	bererti Akaun yang ditentukan oleh Ahli Kad (dan penentuannya diluluskan oleh Maybank) buat sementara untuk tujuan melaksanakan transaksi debit.
“ATM”	bererti Mesin Juruwang Berautomasi atau mesin yang dioperasikan oleh kad, sama ada milik Maybank atau bank-bank lain atau institusi kewangan yang turut serta atau milik Rangkaian ATM Global Visa/Master atau lain-lain rangkaian bersekutu di mana Maybank mempunyai persetujuan untuk membenarkan Ahli Kad menggunakan Kad di mesin tersebut.
“Baki Dipegang”	bererti pada bila-bila masa jumlah amaun yang dianggarkan oleh Maybank sebagai amaun mana-mana dan semua transaksi debit yang dilakukan ke atas Kad tetapi belum didebitkan dari Akaun Tentuan.
“Caj”	bererti apa jua dan/atau semua amaun yang dicaj kepada Kad oleh Ahli Kad untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan di mana-mana kedai Peniaga dan di mana amaun akan didebitkan daripada akaun Kad.
“Delink”	bererti mengubah/meminda “Akaun Tentuan”.
“Kad”	bererti Kad Debit Korporat Maybank yang diberikan oleh Maybank kepada Ahli Kad yang sedia ada atau Ahli Kad yang layak di masa akan datang.
“Peniaga”	bererti mana-mana peruncit atau individu, syarikat atau pertubuhan lain, kakitangan, pekerja atau ejennya yang bersetuju menerima atau menyebabkan pejabat, cawangan, kedai, stor, premis perniagaan dan lokasinya di Malaysia atau mana-mana jua untuk menerima Kad apabila dikemukakan secara elok untuk membenarkan Ahli Kad membuat transaksi debit kepada Kad.
“Penyata”	bererti penyata bercetak yang dikeluarkan oleh Maybank yang mencerminkan kesemua transaksi.
“Penyata Akaun”	bererti salinan keras penyata akaun untuk akaun di keluarkan oleh Maybank mencerminkan jumlah Transaksi.
“PIN”	bererti Nombor Pengenalan Peribadi yang diberi kepada Ahli Kad untuk digunakan dengan Kad.
“MBB”	bererti Malayan Banking Berhad (No. Syarikat 3813-K), bank berlesen yang ditubuhkan mengikut undang-undang Malaysia dan mempunyai alamat berdaftar di Malayan Banking Berhad, Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur (Telephone No: 603-20708833) dan pengganti serta penerima serah haknya.
“Syarikat”	bererti Syarikat yang membuka dan memegang Akaun Semasa dengan Maybank dimana Kad ini akan diberi akses kepada Akaun tersebut.
“Tarikh Sah”	bererti tarikh tamat tempoh Kad seperti yang tercetak pada Kad.
“Transaksi”	bererti mana-mana dan semua transaksi perbankan yang dilakukan menerusi penggunaan Kad dan/atau PIN dan merangkumi tetapi tidak terhad kepada pembelian, pembayaran, dan mana-mana perkhidmatan perbankan elektronik lain seperti yang ditawarkan atau diperkenalkan oleh Maybank dari semasa ke semasa (sama ada menerusi ATM, Terminal Tumpuan Jualan (POS), transaksi internet atau lain-lain terminal atau saluran yang disediakan kepada Ahli Kad). Untuk mengelakkan sebarang keraguan, istilah “Transaksi” merangkumi juga “Transaksi Debit”.
Transaksi Debit”	bererti transaksi yang dilakukan di bawah nama, tanda dan logo Debit melalui penggunaan Kad dengan PIN

1.2 Melainkan wujud ketidakseragaman dalam subjek atau konteks dengan pembinaannya atau melainkan dinyatakan sebaliknya: -

- perkataan yang merujuk kepada satu jantina merangkumi semua jantina lain dan perkataan yang merujuk kepada bentuk tunggal merangkumi bentuk jamak dan sebaliknya;
- perkataan yang merujuk kepada individu-individu juga merangkumi waris, wakil peribadi dan pengganti serta penerima serah haknya;

- c) mana-mana rujukan kepada sub-klausa, klausa atau pihak adalah kepada sub-klausa, klausa atau pihak kepada Perjanjian ini dan merangkumi semua pindaan dan rombakan yang dibuat kepada Perjanjian ini dari semasa ke semasa;
- d) mana-mana rujukan kepada peruntukan berkanun merangkumi mana-mana pindaan, gabungan atau penggubalan semula yang sedang berkuatkuasa dan semua instrumen berkanun atau arahan yang dibuat mengikutnya;
- e) perkataan "Ringgit Malaysia" dan singkatan "RM" bererti mata wang sah Malaysia;
- f) mana-mana rujukan "Hari Perniagaan" adalah kepada hari di mana Maybank dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur;
- g) jika mana-mana tempoh masa jatuh pada hari, yang bukannya Hari Perniagaan, maka tempoh masa itu akan dianggap tamat tempoh pada hari perniagaan berikutnya;
- h) tajuk di dalam Perjanjian ini diberi untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak akan menjejaskan tafsiran peruntukan yang terkandung di sini.

## 2. PERMOHONAN DAN PENERIMAAN

2.1 Pekerja syarikat yang dibenarkan yang berusia lapan (18) belas tahun dan ke atas dimana syarikat telah membuka dan memegang akaun Semasa dan pengguna Maybank2u Biz adalah layak memohon untuk Kad Debit Korporat Maybank.

2.2 Seseorang pemohon Kad mesti melengkapkan borang permohonan atas talian Maybank2u Biz yang dinyatakan di sini.

2.3 Maybank berhak mengikut budi bicaranya untuk melulus atau menolak sebarang permohonan untuk Kad.

2.4 Dengan mengeluarkan Kad kepada Ahli Kad, Maybank bersetuju menyediakan kemudahan Kad kepada Ahli Kad tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan (yang mungkin dipinda oleh Maybank dari semasa ke semasa) dengan memberi Ahli Kad notis dua puluh satu (21) hari kalendar.

2.5 Sebaik sahaja menerima Kad, Ahli Kad perlu segera menandatangani panel tandatangan pada Kad. Dengan menggunakan Kad, Ahli Kad bersetuju akan terikat sepenuhnya dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan (yang mungkin dipinda oleh Maybank dari semasa ke semasa dengan memberi Ahli Kad notis dua puluh satu (21) hari kalendar).

2.6 Ahli Kad boleh memohon maksima lima (5) Kad pada satu masa, tertakluk kepada budi bicara Maybank seperti yang difikirkan patut.

2.7 Di mana Ahli Kad telah diberi lebih daripada satu Kad, Maybank berhak membatalkan mana-mana kad mengikut budi bicara Maybank dan Ahli Kad perlu menyerahkan balik Kad tersebut kepada Maybank.

## 3. PENGGUNAAN KAD

3.1 Sebagai balasan Maybank mengeluarkan Kad kepada Ahli Kad, Ahli Kad bersetuju mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini dan lain-lain terma-terma dan syarat-syarat seperti, pindaan dan/atau tambahan yang mungkin dikenakan oleh Maybank dari semasa ke semasa, mengikut budi bicaranya dengan memberi Ahli Kad notis dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh ia berkuat kuasa dengan cara seperti yang dinyatakan di klausa 12.4 (a) dan (b).

3.2 Kad ini sah hanya sehingga Tarikh Sah. Apabila tamat tempoh Tarikh Sah, Ahli Kad mestilah memotong Kad kepada dua melalui jalur magnetik dan cip untuk memastikan ia rosak sepenuhnya ("**Kad Batal**") dan mengembalikannya kepada Maybank untuk digantikan dengan Kad baru, yang akan dikeluarkan mengikut budi bicara Maybank.

3.3 Kad adalah kad debit di mana Akaun akan didebitkan untuk pembelian menggunakan Kad.

3.4 Kad hanya boleh digunakan di domestik agensi kerajaan berdasarkan Merchant Category Code (MCC) seperti yang berikut selagi terdapat baki tunai yang mencukupi di dalam Akaun ketika membuat transaksi (tertakluk kepada transaksi had yang ditetapkan oleh Maybank). Ahli Kad bertanggungjawab memastikan Akaun mempunyai baki tunai yang mencukupi sebelum menggunakan Kad untuk membeli barangan dan/atau perkhidmatan. Pembelian tersebut adalah tertakluk kepada had maksimum amaun yang terdapat di dalam Akaun.

Merchant Code (MCC)	Category	Diskripsi
9399		Perkhidmatan Kerajaan
9402		Perkhidmatan Post- Kerajaan Sahaja
9311		Pembayaran Cukai- Agensi Kerajaan
9223		Pembayaran Bail dan Bon (Bayaran kepada agensi kerajaan untuk penjamin bon, tetapi bukan bon sebenar.)
9222		Denda – Entiti Pentadbiran Kerajaan
9211		Kos Mahkamah, Termasuk Alimony dan Sokongan Anak-Mahkamah Undang-Undang

3.5 Ciri-ciri yang berikut tidak layak tetapi tidak menyeluruh untuk Kad ini:

- a. Pengeluaran tunai
- b. Pindahan dana
- c. Transaksi luar negara
- d. Transaksi kad tidak hadir
- e. Transaksi tanpa sentuh
- f. Pertanyaan baki
- g. Pembelian barangan/perkhidmatan yang bukan termasuk di dalam *merchant category code* domestik kerajaan

3.6 Had pembayaran terkumpul sehari ditetapkan kepada RM20,000.00 semasa permohonan untuk Kad dibuat melainkan jika dinyatakan sebaliknya oleh Ahli Kad di dalam borang permohonan Kad beliau. Ahli Kad boleh menukarkan had pembayaran terkumpul sehari pada bila-bila masa kepada had yang ditawarkan sebagai pilihan oleh Maybank melalui Maybank2u Biz atau melalui apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh Maybank.

3.7 Untuk tujuan menguatkuasakan transaksi MyDebit dengan Kad, Ahli Kad dikehendaki untuk menetapkan PIN melalui Maybank2u Biz. PIN adalah sulit dan tidak harus didedahkan kepada sesiapa jua di bawah apa jua keadaan atau dengan apa-apa cara sekalipun. Ahli Kad mengakui dan bersetuju bahawa dia akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk semua transaksi yang dilakukan dengan penggunaan PIN sama ada dengan atau tanpa pengetahuan atau kebenaran Ahli Kad.

3.8 Maybank tidak bertanggungjawab untuk sebarang urusan niaga tanpa kebenaran yang lain daripada tujuan Kad ini oleh pekerja syarikat yang dibenarkan oleh syarikat untuk diberi Kad ini.

3.9 Ahli Kad dengan ini akan mengecualikan Maybank daripada semua tuntutan dan liabiliti oleh semua pihak susulan penggunaan yang tidak dibenarkan. Ahli Kad juga bersetuju akan membayar Maybank sepenuhnya untuk segala kerugian, perbelanjaan atau tuntutan yang ditanggung oleh Maybank.

#### 4. WAAD OLEH AHLI KAD

Ahli Kad berwaad dengan Maybank seperti berikut:

- bahawa hanya Ahli Kad berhak menggunakan Kad yang dikeluarkan atas nama Ahli Kad dengan Peniaga;
- jika Kad dilaporkan hilang atau dicuri dan kad gantian telah dikeluarkan oleh Maybank dan Kad yang hilang atau dicuri kemudiannya dijumpai semula (“Kad Dijumpai Semula”), maka Ahli Kad akan serta-merta menghapuskan Kad Dijumpai Semula dengan menggantung Kad kepada dua melalui jalur magnetik dan cip untuk memastikan ia rosak sepenuhnya (“Kad Batal”) dan mengembalikannya kepada Maybank;
- untuk segera memberitahu Maybank secara bertulis tentang sebarang perubahan butiran Ahli Kad yang diberi kepada Maybank semasa permohonan kad dan untuk memberi Maybank lain-lain butiran seperti yang diminta oleh Maybank dari semasa ke semasa;
- untuk mematuhi Terma-terma & Syarat-syarat yang dinyatakan di sini (yang mungkin diubah, dipinda, dipadam atau ditambah oleh Maybank dari semasa ke semasa dengan memberi Ahli Kad notis dua puluh satu (21) hari kalendar) dan semua syarat lain untuk penggunaan Kad yang mungkin dikenakan oleh Maybank dari semasa ke semasa;
- tidak akan menggunakan Kad untuk apa jua aktiviti yang menyalahi undang-undang. Maybank berhak sepenuhnya untuk menamatkan kemudahan Kad sekiranya Ahli Kad didapati menggunakan Kad untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang;

- transaksi menggunakan Kad dan wang atau dana untuk digunakan bagi menambah nilai Kad tidak diperolehi dari mana-mana sumber haram atau berhubung dengan aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- memberitahu Maybank secepat mungkin sekiranya mendapati kad hilang atau dicuri, transaksi tidak dibenarkan telah berlaku, atau PIN mungkin telah dikompromi.
- memberitahu Maybank dengan serta-merta apabila menerima maklumat transaksi perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) bahawa transaksi telah dilakukan tanpa kebenaran.
- memeriksa rekod akaun dan membuat laporan sekiranya terdapat sebarang percanggahan tanpa kelewatan
- mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan Kad dan PIN selamat disimpan pada setiap masa termasuk di tempat kediaman pemegang kad. Ini termasuk tidak:
  - mendedahkan Kad atau PIN kepada mana-mana orang
  - menulis PIN pada Kad atau apa sahaja yang disimpan berhampiran Kad
  - menggunakan PIN yang merujuk kepada tarikh lahir, kad pengenalan, lesen memandu atau nombor telefon kenalan mereka; dan
  - membenarkan pihak ketiga menggunakan Kad dan PIN.

## **5. PENARIKAN / PENGGANTUNGAN PENGGUNAAN KAD**

5.1 Semua Kad adalah hak milik Maybank yang berhak sepenuhnya pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya menarik balik Kad atau menggantung penggunaannya atau menolak sebarang Transaksi dalam apa-apa jua keadaan sepertimana yang difikirkan sesuai oleh Maybank.

5.2 Dengan penarikan, penggantungan atau pembatalan penggunaan Kad, Ahli Kad akan segera mengembalikan “Kad Batal” kepada Maybank.

## **6. PENAFIAN LIABILITI MAYBANK**

6.1 Maybank tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk sebarang tindakan atau peninggalan oleh Peniaga termasuk keengganan Peniaga menerima Kad Debit atau apa-apa jua kerosakan atau kekurangan dalam barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh Peniaga. Ahli Kad akan menyelesaikan semua tuntutan, tuntutan dan pertelingkahan dengan Peniaga secara terus dan bukannya menerusi Maybank. Ahli Kad bersetuju tidak akan membabitkan Maybank dalam tuntutan dan/atau pertelingkahan sedemikian atau tindakan undang-undang terhadap Peniaga tersebut. Maybank tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk sebarang bayaran tertanggung kepada Peniaga tanpa mengambil kira sebarang tuntutan dan/atau pertelingkahan di antara Ahli Kad dan Peniaga. Andainya wujud pertelingkahan tentang sebarang transaksi, amaun yang dipotong untuk bayaran transaksi tersebut tidak akan dikembalikan sehingga Ahli Kad dibebaskan daripada sebarang liabiliti berhubung dengan transaksi tersebut.

6.2 Ahli Kad akan mengecualikan Maybank daripada semua liabiliti jika Kad tidak diterima oleh mana-mana Peniaga atau di dalam mana-mana transaksi atas talian atau ATM.

6.3 Maybank menafikan semua liabiliti untuk apa-apa jua kegagalan memenuhi sebarang obligasi tidak kira bagaimana kegagalan tersebut boleh berlaku dan tidak kira sama ada kegagalan tersebut berada di dalam atau di luar kawalan Maybank.

6.4 Tanpa prejudis terhadap keumuman yang sebelum ini, Ahli Kad bersetuju tidak akan membuatkan Maybank bertanggungjawab andainya Maybank tidak dapat menunaikan keseluruhan atau sebahagian obligasinya di bawah Terma-terma & Syarat-syarat ini, yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan mana-mana alat mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian transmisi, pertelingkahan perindustrian, kerosakan elektrik, mana-mana tindakan di luar kawalan Maybank atau mana-mana bencana alam.

## **7. YURAN DAN CAJ**

7.1 Yuran RM12.00 akan dikenakan untuk setiap penggantian Kad selepas lima (5) Kad debit yang telah di keluarkan.

7.2 Sebarang kos atau caj yang perlu dibayar oleh Ahli Kad akan didebitkan ke Akaun dan dibutirkan dalam penyata Akaun. Sebarang kos atau caj yang dibayar oleh Ahli Kad tidak akan dikembalikan dalam apa-apa jua keadaan.

7.3 Andainya Akaun tidak mempunyai baki yang mencukupi untuk membayar apa jua transaksi atau amaun yang perlu dibayar oleh Ahli Kad, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang faedah, yuran, caj atau lain-lain bayaran kepada Maybank, maka Maybank berhak sepenuhnya untuk memindah atau menguruskan pindahan dana yang mencukupi dari mana-mana akaun lain yang dimiliki Syarikat dengan Maybank ke Akaun tersebut dengan memberi Syarikat notis tujuh (7) hari kalendar sebelum tarikh ia berkuat kuasa dalam cara seperti yang dinyatakan di klausa 12.4 (a) dan (b).

7.4 Yuran atau caj yang tersebut boleh berubah pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara Maybank dengan memberi Ahli Kad notis dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh ia berkuat kuasa dalam cara seperti yang dinyatakan di klausa 12.4(a) dan (b).

7.5 Bagi mengelakkan keraguan, Ahli Kad hendaklah menanggung semua yuran professional, cukai, dan perbelanjaan luar jangka yang ditanggung dan apa-apa fi lain, perbelanjaan atau tindakan sewajarnya berkenaan dengan produk ini.

## **8. PENYATA**

8.1 Rekod transaksi boleh di dapati dengan menggunakan kata laluan Maybank2u Biz yang diberikan kepada kakitangan yang di beri kuasa oleh pihak syarikat.

8.2 Rekod dan butiran yang dicatatkan ke dalam Akaun dengan Maybank seperti yang dibutirkan di dalam rekod transaksi akan dianggap sebagai tepat dan mengikat Ahli Kad kecuali Ahli Kad memberi notis kepada Maybank dalam masa empat belas (14) hari kalendar dari tarikh rekod transaksi tersebut.

8.3 Setelah menerima maklumat daripada Pemegang Kad dalam tempoh masa yang ditetapkan, Maybank akan meneliti semula transaksi yang dipertikaikan untuk membuat pembedahan, jika perlu. Sila ambil perhatian bahawa Maybank akan mengambil tindakan sewajarnya termasuk membuat laporan polis dan tindakan mahkamah (jika perlu) terhadap pelanggan yang cuba melakukan penipuan pada transaksi yang dipertikaikan. Operasi Klausa tidak akan sekali-kali mempengaruhi tanggungjawab Pemegang Kad di bawah Klausa 7 DENGAN SYARAT sebarang amaun yang perlu dibayar kepada atau oleh Pemegang Kad akan dikreditkan atau didebitkan ke dalam Akaun.

## **9. LIABILITI BAGI URUSNIAGA YANG TIDAK DIBENARKAN**

9.1 Ahli Kad mestilah sentiasa berhati-hati untuk mengelak kehilangan, kecurian dan salah letak kad dan pendedahan nombor pengenalan diri (PIN) dan mempunyai tanggungjawab untuk tidak membenarkan pihak ketiga menggunakan kad atau PIN.

9.2 Ahli Kad mesti melaporkan kepada Maybank sebaik sahaja boleh berbuat demikian dalam tempoh yang munasabah selepas mengetahui kad telah hilang atau dicuri atau PIN didedahkan, salah letak atau dikompromi. Ahli Kad juga mesti membuat laporan polis berhubung dengan kejadian tersebut dan satu salinan laporan tersebut hendaklah diberikan kepada Maybank.

9.3 Ahli Kad boleh menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan di 1-300 88 6688 (disediakan 24 jam 7 hari seminggu) atau layari [www.maybank.com](http://www.maybank.com)

9.4 Ahli Kad bertanggungjawab ke atas urusan niaga tanpa kebenaran berasaskan PIN jika ahli Kad:

- Melakukan penipuan;
- Lewat memberitahu pihak Bank secepat mungkin yang dapat dilaksanakan selepas mendapat tahu kehilangan penggunaan tanpa kebenaran ke atas Kad Debit ahli Kad;
- Secara sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain; atau
- Merekodkan PIN ahli Kad pada Kad Debit ahli Kad atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan.

9.5 Keputusan Maybank dalam penentuan liabiliti Ahli Kad jika kad hilang atau dicuri atau salah letak atau dimana PIN anda telah didedahkan, salah letak atau dikompromi, hendaklah dianggap muktamad dan diwajibkan untuk Ahli Kad.

9.6 Maybank tidak terikat untuk mengeluarkan Kad gantian susulan daripada kehilangan atau kecurian atau penggunaan Kad yang tidak dibenarkan. Andainya Maybank mengeluarkan Kad gantian, Maybank berhak mengenakan syarat dan yuran atau caj sepertimana yang difikirkan sesuai mengikut budi bicaranya.

9.7 Di mana kad yang hilang atau dicuri dijumpai, Ahli Kad bersetuju untuk tidak menggunakan perkhidmatan kad tersebut dan memulangkannya kepada Maybank. Maybank mungkin, tetapi tidak semestinya, akan mengganti kad yang hilang atau dicuri tersebut kepada Ahli Kad.

9.8 Dalam keadaan tertentu, peraturan skim kad membenarkan Ahli Kad untuk mengenakan kembali (“chargeback”) ke Pedagang dengan siapa transaksi telah dibuat (jika “chargeback” boleh didapati) tertakluk kepada aduan atau pertikaian yang telah dibuat kepada Maybank oleh Ahli Kad secara bertulis dalam tempoh dua puluh (20) hari dari tarikh transaksi dalam satu kenyataan akaun pelanggan dan Ahli Kad telah menyediakan maklumat yang perlu diminta oleh Bank untuk menyokong caj balik dalam tempoh masa yang diminta.

## **10. BUKTI MUKTAMAD**

Ahli Kad dengan ini berwaad dengan Maybank untuk menerima sebagai bukti muktamad terhadap Ahli Kad dalam mana-mana tindakan undang-undang dan untuk semua tujuan sekalipun:

- penyata yang dikeluarkan oleh Maybank adalah bukit muktamad tentang keterhutangan Ahli Kad terhadap Maybank;
- sijil daripada pegawai Maybank yang disahkan adalah bukti muktamad isu tersebut samada notis tentang apa jua perkara yang timbul daripada Perjanjian ini telah diberi kepada Ahli Kad.

## **11. NOTIS**

11.1 Mana-mana komunikasi yang dirujuk dalam Persetujuan ini akan dianggap telah diterima oleh Ahli Kad jika ditinggalkan atau dihantar menerusi pos biasa yang diperakui ke alamat terakhir Ahli Kad atau diiklankan dalam mana-mana media termasuklah internet seperti yang ditetapkan oleh Maybank.

11.2 Penyampaian mana-mana notis atau proses mahkamah akan dianggap telah berkuatkuasa pada tarikh penghantaran jika menerusi serahan tangan atau dalam kes pos, pada Hari Perniagaan kedua selepas diposkan kepada Ahli Kad ke alamat terakhir yang diberi kepada Maybank atau pada tarikh mana-mana iklan oleh Maybank.

## **12. DAN LAIN-LAIN**

12.1 Dalam hal di mana Ahli Kad telah memilih “ya” berkaitan dengan pendedahan maklumat untuk tujuan silang (“cross selling”), pemasaran jualan dan promosi dan persetujuan seterusnya serta memberi kuasa untuk pemindahan maklumat untuk sebarang tujuan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penilaian kredit, untuk menggunakan, menganalisa dan menilai maklumat untuk tujuan memperbaiki dan meneruskan penyediaan produk dan perkhidmatan oleh Bank di dalam permohonan Kad dan Ahli Kad kemudian ingin memilih “tidak” atau sebaliknya, Ahli Kad boleh menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan Maybank untuk menukar pilihan tersebut.

12.2 Sekiranya terdapat sebarang kemas kini berkenaan dengan maklumat akaun/Common Reporting Standard, Ahli Kad bersetuju untuk memaklumkan pihak Maybank dan memberi bukti dokumen yang diperlukan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh perubahan tersebut. Ahli Kad mengizinkan dan memberi kebenaran kepada pihak Maybank untuk mengambil sebarang tindakan berikut, jika berkenaan:

- Mengenakan sebarang penahanan bayaran cukai yang berkenaan ke atas akaun tersebut.
- Melaporkan atau mendedahkan maklumat relevan berhubung dengan akaun tersebut.
- Menamatkan (dengan notis terlebih dahulu) hubungan kontrak di antara saya/kami dengan pihak Maybank.

12.3 Jika mana-mana peruntukan didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, secara keseluruhan atau sebahagiannya, di bawah mana-mana penggubalan semula undang-undang, maka peruntukan selebihnya akan kekal berkuatkuasa sepenuhnya.

12.4 Maybank berhak sepenuhnya untuk menambah, memotong, mengubah atau meminda sebarang Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung di sini termasuk penukaran bayaran-bayaran dan caj-caj, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Ahli Kad sebelum tarikh berkuatkuasa. Mengikut budi bicara Maybank, notis untuk penambahan atau pindaan akan berkuatkuasa melalui:-

- (a) Paparan notis tersebut di premis Maybank dan cawangan-cawangannya atau dengan menghantar notis tersebut kepada Ahli Kad; ataupun
- (b) Makluman Khidmat Pesanan Ringkas (Short Message Services – SMS) kepada Ahli Kad atau dengan memaparkan notis tersebut melalui laman web Maybank.

12.5 Jika Ahli Kad tidak bersetuju dengan pindaan tersebut, Ahli Kad boleh, dalam masa tujuh (7) hari kalendar selepas diberi notis oleh Maybank, membatalkan penggunaan Kad mengikut Klausa 5.

12.6 Maybank berhak menyalurkan apa-apa jumlah yang perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada Maybank kepada pihak berkenaan dan mengikut syarat yang difikirkan sesuai dengan memberi Ahli Kad notis tujuh (7) hari kalendar.

12.7 Perjanjian ini (dan semua perjanjian yang dibentuk seterusnya mengikut ini) akan tertakluk kepada dan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

12.8 Masa di mana juga disebutkan merupakan perkara mustahak Perjanjian ini tetapi tiada kegagalan untuk mengamalkan dan tiada kelewatan untuk mengamalkan bagi pihak Maybank apa jua hak, kuasa keistimewaan di bawah Persetujuan ini akan beroperasi sebagai penepian darinya, atau mana-mana amalan tunggal atau sebahagian apa jua hak, kuasa atau keistimewaan menghalang mana-mana amalan lain atau selanjutnya atau amalan mana-mana hak, kuasa atau keistimewaan. Hak dan penyelesaian tersebut adalah kumulatif dan tidak eksklusif kepada mana-mana hak dan penyelesaian yang diberi oleh undang-undang.

12.9 Obligasi Ahli Kad akan mengikat wakil guaman Ahli Kad atau pengganti dan penerima serah haknya.

12.10 Andainya timbul sebarang keraguan dari Perjanjian ini, keraguan tersebut akan diselesaikan oleh Maybank. Pengertian mana-mana peruntukan dan di mana berkenaan, pilihan peruntukan yang sesuai untuk sesuatu situasi adalah muktamad dan mengikat Ahli Kad.

12.11 Jika Ahli Kad mempunyai sebarang aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, Ahli Kad boleh menghubungi:-

Alamat	Maybankcard Centre 7 <sup>th</sup> Floor Menara Maybank 100 Jalan Tun Perak 50050 Kuala Lumpur
Tel	1-300-88-6688 (MBB Phone Banking)
Faks	+603-7953 860
E-mel	<a href="mailto:mbbcardservice@maybank.com.my">mbbcardservice@maybank.com.my</a>
Laman web	<a href="http://www.maybank.com">www.maybank.com</a>

Jika pertanyaan atau aduan Ahli Kad tidak dapat diselesaikan secara memuaskan, Ahli Kad boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK di:

Alamat	Block D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur
Tel	1-300-88-5465
Faks	03-21741515
E-mel	<a href="mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my">bnmtelelink@bnm.gov.my</a>

12.12 Tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan di sini dan sebaliknya, Maybank menolak sebarang liabiliti kepada Ahli Kad dan mana-mana pihak untuk kerugian, kecederaan, kelewatan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami oleh mana-mana pihak kerana menjalankan obligasi masing-masing yang terkandung di sini akibat tindakan atau peristiwa di luar kawalan mereka yang disebabkan oleh bencana alam, mogok, gangguan pekerja, penahanan, keganasan, kekurangan bahan, rusuhan, peperangan, undang-undang kerajaan, kebakaran, gempa bumi, banjir, kilat, wabak penyakit dan lain-lain malapetaka. Obligasi Maybank, sejauh yang terjejas akibat tindakan atau peristiwa sedemikian, akan digantung sepanjang kelewatan atau kegagalan prestasi terbabit, dan kelewatan atau kegagalan ini bukanlah melanggar Perjanjian.

Terma & Syarat  
Kad MyDebit Korporat Maybank